



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 22 Disember 2022

1	Pastikan kualiti, harga telur import terjamin
----------	--

DISEDIAKAN OLEH :
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Pastikan kualiti, harga telur import terjamin

TELUR import perlu dijual pada harga yang tidak membebankan peniaga dan pengguna.



PETALING JAYA: Langkah kerajaan untuk mengimport telur ayam bukan penyelesaian jangka panjang yang berdaya maju memandangkan secara umumnya ia lebih mahal selain kualitinya yang mudah rosak.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Gabungan Peratuan Penjaja dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, jika harga telur import dijual pada harga yang mahal, ia kekal menyulitkan peniaga dan pengguna.

Selain itu katanya, umum tahu telur sangat mudah rosak jika disimpan dalam tempoh lama dan sekiranya diimport ia akan disimpan dalam tempoh beberapa hari dan akhirnya telur yang sampai kepada peniaga

diragui kualitinya.

"Ini sebenarnya langkah yang tidak praktikal, telur pun kita kena import tetapi, kita tiada pilihan dan terpaksa import untuk memastikan rakyat negara ini mendapat bekalan untuk kegunaan harian termasuk para peniaga.

"Cuma, apa yang kena lihat ialah soal harga dan kualiti telur...Kita tidak mahu telur yang sampai sudah tiada kualiti dan rosak akibat proses import yang lama. Jadi, bagi saya, ini bukanlah satu kaedah yang boleh dibuat secara berterusan.

"Kerajaan kena fikirkan untuk kita bina semula industri telur ini, biar ada bekalan dalam negara oleh penternak kita. Apa yang kurang sebelum ini kita baik

demi memastikan kita tidak terputus bekalan seperti sekarang," katanya ketika dihubungi.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan akan mengimport sekurang-kurangnya dua hingga 10 juta biji telur sehari mulai Khamis ini untuk menampung keperluan dan permintaan pasaran tempatan selain bagi tujuan mengawal harganya.

"Kita sudah buat perubahan dengan memberikan import bermula pada 15 Disember dengan 100,000 biji telur (import) dan mulai 22 Disember, dua hingga 10 juta biji telur sehari akan dibawa masuk sehingga keadaan stabil dan pengeluaran tempatan terjamin," katanya.